



Peka, kenal pasti taktik scammer elak terperangkap

Nadzir Awang
Ahmad,
UiTM Arau

Sering kali terpampang di media massa kisah mangsa yang terpedaya dengan janji manis *scammer* hingga menyebabkan kerugian ribuan malah ada yang sehingga jutaan ringgit. Meskipun begitu, masih ramai lagi terus menjadi mangsa hingga masyarakat tertanya-tanya adakah rakyat negara ini mudah ditipu atau sikap tamak ingin mendapat wang dengan cara yang mudah menyebabkan mereka terpedaya.

Ketika ini jenayah siber menunjukkan kadar yang membimbangkan. Gabenor Bank Negara, Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus menerusi ucapan pada Persidangan Antarabangsa mengenai Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan (IFC-TF) 2022 mengakui Malaysia turut menerima ancaman jenayah siber berisiko tinggi dengan kes dan kerugian yang ditanggung lebih banyak berbanding 2017.

Menurutnya pada 2021, lebih 20,000 kes jenayah siber dilaporkan mengakibatkan kerugian sebanyak RM560 juta, manakala antara 2017 hingga Julai 2021 pula, ia menjadi RM2.23 bilion.

Bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa, penulis ingin berkongsi langkah keselamatan bagi mengelakkan kita tertipu dan menjadi mangsa kepada *scammer* ini.

Abai panggilan nombor tak dikenali

Antaranya abaikan sahaja panggilan telefon dari nombor tidak dikenali atau aneh. Jangan sesekali menjawab panggilan telefon sedemikian apatah lagi jika ia dibuat dari luar negara.

Sebenarnya, *scammer* boleh mengakses maklu-

mat peribadi ketika anda menjawab panggilan itu. Mereka juga aktif menyamar sebagai pegawai kerajaan atau penguat kuasa kononnya anda terbabit dengan tunggakan cukai dan pelbagai lagi.

Keduanya, elak muat turun aplikasi yang diterima melalui rangkaian media sosial atau mesej dari telefon. Jika anda menerimanya sila abai dan hapuskan. Sekiranya anda memuat turun, anda akan diminta pula untuk memasukkan maklumat lain yang membolehkan mereka mengakses akaun peribadi anda. Jika anda ingin muat turun sebarang aplikasi diperlukan, lakukanlah daripada gedung aplikasi rasmi daripada pengeluar berdaftar di telefon anda.

Elakkan memberi atau mendedahkan maklumat peribadi misalnya nombor akaun bank, nombor keselamatan dan sebagainya. Simpan hanya untuk

“Pada 2021, lebih 20,000 kes jenayah siber dilaporkan akibatkan kerugian RM560 juta, manakala antara 2017 hingga Julai 2021 pula, ia jadi RM2.23 bilion”

kegunaan anda sendiri sahaja. Sekiranya ada pihak yang menelefon anda untuk meminta sebarang maklumat berkaitan nombor peribadi seperti di atas, langkah paling selamat adalah tamatkan sahaja panggilan itu kerana ia mungkin *scammer*.

Jangan berikan nombor TAC anda kepada siapa. Harus diingat, nombor TAC hanya dihantar kepada nombor telefon mudah alih yang didaftarkan untuk meneruskan transaksi dan sistem perbankan. Jadi tidak timbul isu tersalah hantar kepada nombor orang lain yang tidak membuat sebarang transaksi.

Segera bekukan akaun, lapor polis

Jangan sesekali buka atau klik pada laman web perbankan yang mencurigakan. Tindakan *scammer* kini semakin canggih dengan mencipta laman web perbankan dan portal pembayaran palsu yang kelihatan seakan-akan sama dengan asli. Perhatikan alamat laman web itu sebaiknya kerana ada kala perbezaannya hanya satu nombor sahaja.

Sekiranya anda sudah mendaftar masuk, dengan mudah *scammer* mendapat akses kepada akaun anda dan dengan pantas memindahkan wang yang ada di dalamnya. Untuk langkah keselamatan, jangan masukkan kata laluan anda jika imej atau frasa keselamatan yang tertera pada skrin ternyata bukan milik anda.

Kepekaan kita dan sikap berhati-hati dapat mengelakkan kita diperangkap oleh *scammer*. Sekiranya anda menyedari sudah dimangsakan, hubungi pihak bank dengan segera supaya pihak bank dapat membekukan akaun anda dan seterusnya buatlah laporan kepada pihak polis.